

Insaniah keluarkan graduan hafiz al-Quran Kedah

MAAHAD Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat yang merupakan salah satu cabang pengajian di Institut Agama Islam Negeri Kedah Darulaman (Insaniah) adalah usaha kerajaan negeri untuk melahirkan graduan hafaz al-Quran.

Selain itu ia juga untuk menghidup dan mengembangkan ilmu-ilmu yang berhubung kait dengan kitab suci al-Quran.

Pusat pengajian itu yang ditubuhkan sejak 1985 antara lain untuk melaksanakan satu kewajipan fardu kifayah, memelihara kesucian dan keaslian kadungan kitab al-Quran dari sebarang penyelewengan serta melahirkan pendakwah dan tenaga mahir dalam bidang itu untuk memainkan peranan dalam pentadbiran kerajaan.

Menurut Penyelaras Kuliah Tahfiz Insaniah, **Sheikh Kadri Abdul Hamid**, bermula dengan pengambilan pertama seramai sembilan pelajar pada 1985, institut terus berkembang dengan mempunyai 38 pelajar pada masa ini.

Pelajar-pelajar yang terpilih itu yang mendapat biasiswa sebanyak RM3,000 setahun daripada Yayasan Islam Kedah, katanya.

Mereka yang terdiri 11 pelajar perempuan dan 27 lelaki itu akan menuntut selama tiga tahun untuk program diploma sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah di universiti tempatan dalam bidang Pengajian Islam ataupun di Universiti Al Azhar Mesir, katanya.

"Semenjak ditubuhkan, Maahad



PELAJAR Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Kedah menghadiri kuliah menghafaz al-Quran.

Tahfiz Al-Quran ini telah menge luarkan kira-kira 150 hafiz yang mempunyai diploma," kata Sheikh Kadri.

Beliau menyatakan kerajaan negeri memberi perhatian terhadap institusi ini kerana peranannya dalam melahirkan cerdik pandai dalam bidang tersebut.

Sementara itu, 403 graduan Insaniah akan menerima diploma dan ijazah masing-masing pada konvo kesyen keempat pada 20 Oktober ini.

Seramai 8 orang dari Maahad Tahfiz Al-Quran akan turut mene-

rima diploma pada konvo kesyen tersebut.

Insaniah, institusi pengajian yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan negeri menawarkan program diploma dan ijazah bagi pengajian Bahasa Arab, Usuluddin, Syariah, Pengurusan, Teknologi Maklumat, Perakaunan dan Tahfiz.

Pusat pengajian tinggi itu yang menjalankan program secara ber kember dengan Universiti Al-Azhar juga sedang mengorak langkah ke arah sebuah Universiti Islam terunggul di rantau ini.